

Soalan Lazim Penstrukturan Semula dan Penjadualan Semula (R&R) HLB/HLISB

No	Soalan	Jawapan
1.	Siapakah yang layak untuk R&R HLB/HLISB?	HLB/HLISB akan terus memberi bantuan kepada semua pelanggan (termasuk PKS dan perusahaan mikro) yang menghadapi kesukaran melaksanakan pembayaran / pembayaran balik pinjaman dan pembiayaan disebabkan kesulitan kewangan.
2.	Apakah pelan bantuan kewangan yang disediakan dibawah R&R HLB/HLISB?	Jumlah ansuran dikurangkan dengan lanjutan tempoh pinjaman/pembiayaan.
3.	Bagaimanakah saya boleh memohon untuk R&R HLB/HLISB?	<p>Sila menghubungi Bank melalui hotline, e-mel ataupun mengunjungi cawangan kami:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Customer Collections Centre HLB: 603-79591888 (Isnin-Khamis, 8.45 pagi - 5.45 petang; Jumaat, 8.45 pagi - 4.45 petang) • Pusat Perhubungan HLB: 603-7626 8899 (Isnin-Sabtu 9.00 pagi - 6.00 petang) • Kunjungi cawangan kami • Hubungi Pengurus Perhubungan anda
4.	Adakah saya perlu mengemukakan dokumen sokongan apabila membuat permohonan untuk R&R HLB/HLISB?	<p>Ya. Dalam borang permohonan, anda akan diminta untuk mengisytiharkan pendapatan semasa, maklumat pekerjaan dan sifat impak terhadap pendapatan anda. Sila lampirkan dokumen yang berkenaan pada borang permohonan.</p> <p><u>Individu / Bekerja Sendiri</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Salinan Kad Pengenalan 2) Slip gaji (3 bulan terkini) 3) Penyata EPF terkini 4) Surat pekerjaan 5) Pengisytiharan diri (bekerja sendiri) <p><u>Pemilik tunggal / perkongsian / syarikat</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Penyata Bank (6 bulan terkini) 2) Pendaftaran syarikat 3) Laporan perakaunan pengurusan 4) Resolusi syarikat baharu 5) Salinan Kad Pengenalan penjamin
5.	Apakah kesan terhadap rekod CCRIS saya jika aplikasi permohonan R&R HLB/HLISB saya diluluskan?	Untuk tujuan pelaporan CCRIS, pinjaman / pembiayaan anda akan dilaporkan sebagai R&R dalam CCRIS untuk permohonan R&R HLB/HLISB yang diluluskan.

6.	Jika keadaan kewangan saya tidak terkesan, bolehkah saya membuat permohonan bagi R&R HLB/HLISB?	R&R HLB/HLISB disediakan untuk membantu semua pelanggan (termasuk PKS dan perusahaan mikro) yang menghadapi kesulitan kewangan. Dengan itu, jika anda tidak mempunyai kesukaran dari segi kewangan, kami menasihatkan supaya tidak memohon R&R kerana ia boleh mengimpak rekod CCRIS / sejarah kredit anda secara negatif dan untuk mengelakkan kos pembiayaan tambahan.
7.	Adakah saya perlu menandatangani / melaksanakan sebarang persetujuan / dokumen R&R HLB/HLISB?	Ya. Pegawai R&R anda akan menasihatkan anda mengenai persetujuan / dokumen yang memerlukan tandatangan / pelaksanaan apabila anda menerima cadangan R&R HLB/HLISB yang diluluskan.
8.	Adakah permohonan untuk R&R HLB/HLISB mempunyai sebarang had tempoh?	Kami akan mempertimbangkan semua permohonan R&R HLB/HLISB selagi pendapatan / perniagaan anda menghadapi kesukaran untuk membuat pembayaran balik dan memenuhi obligasi kewangan. Kami menggalakkan anda untuk menghubungi pihak Bank jika anda merasakan bahawa mungkin terdapat kemungkinan yang anda memerlukan bantuan dengan ansuran pinjaman / pembiayaan anda.